

Headline	Tiga pemain golf UUM ke Universiade		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 May 2015	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Sukan	Color	Full Color
Page No	46	ArticleSize	321 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 11,023	PR Value	RM 33,069



# Tiga pemain golf UUM ke Universiade

» Mereka disenarai selepas muncul tiga terbaik Kejohanan Golf IPT 2015 di Amverton Cove semalam

Oleh Mohd Khairie Khalid

► Pulau Carey

**T**iga pemain golf Universiti Utara Malaysia (UUM) terpilih mewakili negara ke temasya Sukan Universiti Dunia (Universiade) di Gwanju, Korea Selatan pada 3 hingga 14 Julai ini.

Hillferah Tan (**gambar**), Muhammad Afif Muhammad Razif dan Amirul Aizat Muhamad Razif disenaraikan selepas masing-masing memenangi tempat pertama hingga ketiga kategori gross pada Kejohanan Golf Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2015 di Kelab Golf Amverton Cove Golf & Island Resort di sini, semalam.

Seramai 89 peserta mewakili pelbagai IPT awam dan swasta dari seluruh negara menyertai pertandingan ini yang diadakan selama tiga hari dan berakhir semalam. Turut serta 20 pelajar sekolah selaku jempunan.

## Yakin kutip pingat

Hillferah yang juga penyandang juara mencatatkan 215 pukulan satu bawah par keseluruhan

sepanjang tiga hari kejohanan.

“Permainan saya hari ini (semalam) agak bagus apabila mencatatkan 72 pukulan. Ini menaikkan semangat saya untuk beraksi lebih baik temasya di Universiade nanti kerana semua pemain berpeluang untuk menang. Bagi kejohanan di Korea Selatan ini, saya sasarkan untuk meraih pingat emas,” katanya ketika ditemui.

Dalam pada itu, Pengurus pasukan golf negara ke Universiade, Prof Madya Dr Azman Yasin berkata tiga pemenang berkenaan akan bersama tiga lagi pemain yang disenaraikan lebih awal sebelum ini.

Katanya, mereka adalah Chan Tuck Soon selain dua pemain wanita iaitu Nur Duriyah Damian dan Loy Hee Yin.

“Sasaran pada kejohanan itu nanti adalah untuk mendapatkan pingat. Justeru, latihan pusat akan diadakan sebelum 22 Julai ini iaitu sekurang-kurangnya seminggu sebelum kejohanan bermula,” katanya yang juga Pengarah Aka-

demi Golf Nasional UUM ketika ditemui selepas pertandingan itu berakhir semalam.

## Info

### Juara

- ◎ **Lelaki Individu Gross:** Muhammad Afif Muhamad Razif (UUM)
- ◎ **Wanita Individu Gross:** Hillferah Tan (UUM)
- ◎ **Lelaki Berpasukan Gross:** Muhammad Afif Muhamad Razif / Shakiran Johari (UUM)
- ◎ **Lelaki Berpasukan Nett:** Mohd Ashraf Ahmad / Mohd Lokman (UiTM)
- ◎ **Wanita Berpasukan Gross:** Hillferah Tan / Nurul Syahirah Afiqah (UUM)
- ◎ **Wanita Berpasukan Nett:** Nurul Athirah Abdullah / Ardilla Ali Rahman (UUM)
- ◎ **Keseluruhan:** Universiti Utara Malaysia (UUM)

Headline	Tiga pemain golf UUM ke Universiade		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 May 2015	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Sukan	Color	Full Color
Page No	46	ArticleSize	321 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 11,023	PR Value	RM 33,069

